

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCARAN RASMI PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (UDA) DI BILIK GERAKAN NEGARA PADA 12^{HB} NOVEMBER, 1971

Tuan-tuan sekalian,

Semasa melancarkan Pamiran ENVIRO 2000 di Lake Club kira-kira dua bulan yang lalu, saya telah menyebut bahawa Perbadanan Pembangunan Bandar akan mula menjalankan kerja-kerjanya tidak lama lagi. Pagi ini saya sukacita melancarkan Perbadanan Pembangunan Bandar atau Urban Development Authority ini dengan rasminya.

Seperti yang kita maklum, Perbadanan ini telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen No. 46 tahun 1971. Tugas-tugas Perbadanan ini, antara lain, ialah pertama, memaju dan melaksanakan projek-projek di kawasan-kawasan pembangunan bandar yang meliputi kehendak-kehendak pembangunan semula, penempatan semula, perumahan awam dan memberikan perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan masyarakat yang sewajar dengan kehidupan moden.

Keduanya, memaju dan melaksanakan projek-projek di kawasan-kawasan pembangunan bandar dengan tujuan supaya peluang-peluang dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, perumahan dan lain-lain dapat dibahagi-bahagikan antara berbagai kaum.

Dan, ketiganya, untuk mengadakan programme tindakan bagi melaksanakan dasar Kerajaan hendak menyusun semula masyarakat melalui pembangunan bandar.

Perbadanan ini mempunyai kuasa-kuasa yang luas untuk menjalankan semua kerja-kerja yang segera dan mustahak ataupun yang berkaitan dengan tugasnya.

Tuan-tuan,

Saya sukacita mengumumkan nama pegawai-pegawai dan orang-orang kenamaan yang menjadi anggota Perbadanan ini.



Tun Abdul Razak sedang melancarkan Lembaga Pembangunan Bandar yang bermodal sebanyak \$100 juta di Bilik Gerakan Negara, Kuala Lumpur, pada 12hb November, 1971.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

Pengerusi Perbadanan ini ialah Y.B. Datuk Yacub bin Hitam dan Timbalan Pengerusi ialah Encik Phang Kon Hee. Anggota-anggota lain ialah :

Y.A.B. Datuk Haji Harun bin Idris

Y.B. Tan Sri Ismail bin Haji Mohd. Ali

Encik Hashim bin Sam Latiff

Encik Hussaini bin Abdul Jamil, dan

Dr K. C. Cheah

Semua mereka ini adalah orang-orang yang berkebolehan dan saya percaya mereka, sebagai satu pasukan serta dengan kerjasama dari pihak-pihak lain, akan dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

Tidak syak lagi, Perbadanan ini amatlah penting yang menjadi kunci kepada usaha-usaha kita untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kedua. Ia merupakan satu Pertubuhan baru yang ditubuhkan sejajar dengan dasar Kerajaan sekarang iaitu bersedia membentuk badan-badan baru ataupun meminda undang-undang dan peraturan serta mengambil apa juga langkah-langkah yang patut untuk menjamin pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dengan penuh kejayaan.

Kerajaan berazam hendak melaksanakan Rancangan yang dijalankan oleh UDA ini dengan jayanya. Oleh itu, saya berharap semua Jabatan Kerajaan akan memberikan kerjasama kepada Perbadanan ini dalam melaksanakan tugas-tugasnya supaya dapat berjalan dengan sempurna.

Kerajaan telah mengadakan peruntukan sebanyak \$100 juta kepada Perbadanan ini bagi menjalankan kerja-kerjanya dalam tempoh 1971-1975. Kerajaan sanggup menambah peruntukan itu kalau Perbadanan ini memerlukannya.

Saya telah juga meminta Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memberikan kerjasama penuh kepada Perbadanan ini dalam semua lapangan tugas-tugasnya. Demikian juga saya harap kalangan swasta akan memberikan kerjasama mereka. Saya telah diberi jaminan oleh Pengerusi Perbadanan ini bahawa UDA akan berhubung rapat dengan Badan-badan Berkanun yang lain dalam melaksanakan usaha-usahanya.

Saya tidak syak lagi dalam melaksanakan tugas-tugasnya, Perbadanan ini memerlukan sokongan dan kerjasama dari semua pihak. UDA mestilah berjaya dalam melaksanakan rancangan-rancangannya kerana pada usaha-usahanya itulah bergantung hasrat Kerajaan hendak membantu orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain mempunyai sekurang-kurangnya 30% dari kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam semua peringkat dalam tempuh dua puluh tahun akan datang.

Matlamat ini, sebagaimana yang tuan-tuan ketahui, ialah salah satu objektif "serampang dua mata" iaitu menyusun semula masyarakat yang sebahagian besarnya di bidang pertanian kepada satu masyarakat moden yang meliputi seluruh kegiatan ekonomi moden dan tidak terbahagi kepada garis-garis perkauman.

Untuk mencapai matlamat ini, UDA telah diarahkan supaya mempercepatkan penyertaan orang-orang Melayu serta Bumiputra yang lain dalam lapangan perdagangan dan perusahaan terutama di kawasan bandar dan kawasan-kawasan perbandaran baru.

Tuan-tuan,

Saya percaya UDA dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri, MARA, PERNAS dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri serta pihak-pihak Berkuasa Tempatan akan menjamin proses perbandaran orang-orang Melayu dan Bumiputra dapat berjalan dengan cara yang teratur dan sempurna.

Kerajaan telah juga memutuskan bahawa Ibu Kota Kuala Lumpur dijadikan sebagai kawasan pertama bagi kegiatan UDA. Pada hakikatnya, Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971 telahpun berjalan kuat kuasanya di seluruh kawasan Munisipal Kuala Lumpur semenjak 15hb September yang lalu.

Sebagai permulaan, saya telah mengarahkan Pengerusi UDA supaya menjalankan langkah-langkah seberapa segera menggunakan tanah-tanah di kawasan-kawasan pusat bandar Kuala Lumpur yang masih ada dan menyediakan satu sekim untuk membantu pedagang-pedagang Melayu dan Bumiputra membeli rumah-rumah kedai yang hendak dijual ataupun yang tamat tempuh pajakannya.

Di sini biarlah saya jelaskan bahawa bangunan-bangunan itu hendaklah dibeli dengan harga yang menasabah. Tegasnya, rumah-rumah itu tidak akan diambil begitu sahaja bahkan akan dibeli dengan harga yang berpatutan. Dengan demikian, tidak akan timbul sebarang salah sangka mengenai hak milik yang sah bagi tuan-tuan punya sekarang ini, kerana Kerajaan tidak sekali-kali berniat hendak merampas hak orang-orang lain untuk diberi kepada orang-orang Melayu. Kerajaan sentiasa bersifat adil kepada semua pihak. It is the Government's policy, however, to endeavour to see to it that expanding wealth and opportunities in the country are shared more equitably among our people of various races.

Seterusnya, UDA hendaklah menjalankan kegiatan-kegiatan di kawasan-kawasan perusahaan baru seperti di Cheras, Shah Alam dan bandar-bandar lain.

Dalam hubungan ini, adalah mustahak menyelaraskan kegiatan-kegiatan badan-badan seperti MARA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, Lembaga-lembaga Bandaran dan Badan-badan Berkanun lain seperti PERNAS, MBBS, di kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan oleh Perbadanan ini sebagai kawasan pembangunan bandar dengan tujuan mempercepatkan kemasukkan dan penyertaan pedagang-pedagang Melayu dan Bumiputra.

Sebagai langkah jangka panjang, saya berharap UDA dapat menjalankan langkah dan kegiatan meliputi semua kawasan bandar terutama sekali di Ibu Kota Malaysia dengan tujuan supaya menjamin bahawa semua tanah dan bangunan digunakan bagi tujuan ekonomi serta menghidupkan suasana bandar dengan cara segar supaya kegiatan-kegiatan perusahaan bandar dapat dijalankan dengan lebih cekap, berkesan dan penuh ekonomi.

Begitu juga semua kawasan-kawasan sesak dan lama hendaklah dibersihkan dan dibangun semula serta mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan dan juga lebih teratur bagi masyarakat di situ. Satu lagi tugas penting UDA ialah mengadakan peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan mengadakan galakan bagi golongan swasta untuk mengambil bahagian dalam pembangunan bandar.

Selanjutnya, UDA hendaklah menjamin supaya pembangunan bandar terutama sekali pembangunan sektor perdagangan di

kawasan Ibu Kota memberi peluang kepada semua kaum mengambil bahagian secara adil dan saksama dalam semua kegiatan itu.

Tuan-tuan,

Dalam perbahasan sidang Parlimen yang lalu, banyak hal yang ditimbulkan mengenai Rancangan Malaysia Kedua, dan beberapa aspek permodenan bandar berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru telah juga disentuh. Semua pandangan-pandangan itu telah diambil perhatian dan akan ditimbang oleh UDA dalam melaksanakan rancangan-rancangannya.

Dalam tempuh yang tidak lama, saya ingin melihat kawasan-kawasan bandar terutama sekali bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur hendaklah diperbaharui dan mencerminkan serta menjadi pusat penghidupan moden yang aman dan bahagia.

Tuan-tuan sekalian,

Usaha memodenkan orang-orang Melayu dan Bumiputra lain dan juga membaharui kawasan-kawasan bandar merupakan tugas yang amat berat. Ini menghendaki perancangan yang teliti dan dilaksanakan dengan penuh azam di samping wang ringgit, tenaga manusia dan masa yang panjang untuk mencapai maksud itu. Kerajaan telahpun menubuhkan beberapa badan untuk menjalankan tugas-tugas ini dan saya yakin usaha-usaha kita ini akan berjaya.

Matlamat kita adalah jelas dan nyata. Kita menghendaki sebahagian daripada orang-orang Melayu dan Bumiputra menjadi masyarakat bandar yang moden dan kita berkehendak menjadikan kawasan bandar sebagai pusat kehidupan rakyat kita yang berbilang bangsa. Sebagaimana saya katakan tadi, Perbadanan ini merupakan anak kunci untuk mencapai matlamat itu.

Saya dengan sukacitanya merasmikan Perbadanan Pembangunan Bandar atau Urban Development Authority ini dan berharap ia akan berjaya dalam menjalankan tugas-tugasnya dan mencapai tujuan-tujuan yang ditentukan itu.



Tun Abdul Razak sedang melihat contoh-contoh getah yang diproses semasa merasmikan Kilang Haveacrub di Ulu Langat, Selangor, pada 15hb November, 1971.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)